



Headline: Panik hingga melulu patuh arahan Macau Scam Language: Malay
Scam pemuda rugi hampir RM7,000

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 4 February 2021

Section: Tempatan
Page: 2

Panik hingga melulu patuh arahan Macau Scam, pemuda rugi hampir RM7,000

BINTULU: Akibat panik dan takut ditangkap polis, seorang lelaki berumur 24 tahun menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam sehingga mengalami kerugian RM6,950 dalam kejadian Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Bintulu Superintenden Zulkipli Suhaili berkata, kejadian itu berlaku semasa mangsa dihubungi talian +870383138888 yang memperkenalkan diri daripada pihak LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) dan memberitahu mangsa mempunyai tunggakan bayaran sebanyak RM38,600.90 atas nama syarikat.

Katanya, talian mangsa seterusnya disambungkan ke sindiket Macau Scam kepada seorang yang menyamar sebagai anggota polis dan memberitahu mangsa terlibat dengan pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah.

“Mangsa panik dan cemas dengan panggilan tersebut sehingga mengikut arahan yang diberikan dalam telefon untuk membuat pembayaran bagi membersihkan namanya daripada kes pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah,” ujarnya bercakap dalam sidang media di pejabatnya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu semalam.

Hadir sama Pegawai Penyiasat Jenayah Komersial IPD Bintulu Inspektor Nur

Sadrina Abdul Rahman.

Pada hari sama katanya, mangsa telah diarahkan sindiket Macau Scam untuk memuat turun aplikasi WhatsApp yang berlogokan Bank Negara Malaysia dan meminta mangsa untuk mengisi maklumat peribadi mangsa dalam aplikasi tersebut.

“Seterusnya mangsa diarah sindiket Macau Scam itu untuk memberikan nombor OTP (One-Time Password) kepada sindiket.

“Setelah menyerahkan nombor OTP, mangsa menerima pesanan ringkas daripada sebuah bank yang terdapat transaksi pemindahan wang dari akaun milik mangsa kepada nombor akaun yang tidak dikenali sehingga mangsa sedar dirinya ditipu dan seterusnya mangsa membuat laporan polis semalam,” katanya.

Justeru katanya, berdasarkan kepada situasi kes itu, pihak polis Bintulu sentiasa mengingatkan orang ramai agar tidak sesekali mendedahkan maklumat perbankan atau maklumat kewangan kepada orang yang tidak dikenali yang menghubungi melalui telefon.

Beliau menasihati orang ramai yang menerima panggilan seumpamanya agar tidak mudah panik atau takut ditangkap pihak polis sekiranya tidak melakukan apa-apa kesalahan.